

PENGGUNAAN LOGIK AKAL DALAM KRITIK MATAN HADITH: DARI MU'TAZILAH KE WACANA ISLAM LIBERAL KONTEMPORARI

Muhammad Taufiq Amat Famsir @ Amat Tamsirⁱ, Faisal Ahmad Shahⁱⁱ, Norazam Khair Mohd Ithninⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Phd, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Emel: taufiqtamsir@gmail.com

ⁱⁱ Professor, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
Emel: faisalas@um.edu.my

ⁱⁱⁱ Felo SLAI, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
Emel: norazamithnin@um.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini meneliti peranan akal dalam kritik matan hadith dari perspektif ilmuwan hadith, dengan tumpuan khusus pada bagaimana penggunaan akal dalam menilai kesahihan sesuatu hadith telah diterima oleh para ilmuwan sepanjang sejarah. Islam mengiktiraf akal sebagai salah satu sumber epistemologi yang penting di samping wahyu. Namun demikian, penggunaan akal beserta praktikal serta limitasinya masih kurang dibincangkan dalam konteks kritik matan hadith. Kajian ini bermula dengan perbahasan mengenai definisi dan konsep akal, serta kedudukannya dalam Islam, diikuti dengan perbincangan wacana pertembungan antara akal dan wahyu. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan kaedah pengumpulan data melalui dokumentasi terhadap sumber-sumber primer dan sekunder. Analisis kandungan dilakukan terhadap karya-karya utama ilmuwan semisal Ibn al-Jawzī dan Ibn Qayyim al-Jawzīyyah, serta menyoroti pendekatan rasionalisme oleh aliran klasik seperti Mu'tazilah dan aliran pemikiran kontemporari seperti Madrasah 'Aqliyyah dan Islam Liberal. Kajian ini juga mengemukakan contoh-contoh praktikal di mana penggunaan akal yang melampaui batas dalam kritik matan hadith, mendatangkan kesimpulan yang menyeleweng. Penemuan kajian menunjukkan bahawa walaupun akal diiktiraf sebagai alat penting dalam memahami dan menilai hadith, ia mesti diimbangi dengan wahyu untuk mengelakkan penyelewengan dan bermudah-mudah dalam menolak sesuatu hadith. Kesederhanaan dalam penggunaan akal adalah penting bagi memastikan integriti dan kesucian hadith terpelihara. Kajian ini mencadangkan pendekatan yang lebih seimbang dalam penggunaan akal sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh ilmuwan Islam bagi menjaga keaslian ajaran Islam dan menyokong kajian hadith yang lebih objektif dan sahih.

Kata-kata kunci: Akal, Islam Liberal, Kritik Matan Hadith, Mu'tazilah

PENGENALAN

Pada 31 Mei 2024, tular sebuah rakaman video di aplikasi Facebook yang menampilkan seorang individu Muslim yang secara terbuka meragukan kesahihan hadith Nabi SAW berkenaan peristiwa baginda terkena sihir. Individu tersebut mempersoalkan hadith yang diriwayatkan dalam *Sahīḥ al-Bukhārī*, dengan alasan bahawa hadith itu didakwa bercanggah dengan Al-Quran. Menurutnya, Al-Quran secara jelas menyatakan bahawa golongan yang mendakwa Nabi SAW terkena sihir adalah tergolong dalam kalangan orang zalim. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa menerima hadith ini sebagai sahih sama seperti memperakui sesuatu yang bertentangan dengan Al-Quran, sekali gus meletakkan seseorang dalam golongan orang yang zalim seperti yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Di samping itu, individu berkenaan turut menimbulkan persoalan mengenai bagaimana dapat dibezakan keadaan Rasulullah SAW ketika berada dalam keadaan waras dengan ketika dikatakan disihir, jika benar peristiwa tersebut berlaku. (Muhammad Nasri Bin Azhar, 2024).

Pemikiran individu tersebut jelas mencerminkan pendekatan rasional yang bebas dan tidak mahu terikat pada metodologi ilmiah yang telah digariskan oleh para ulama hadith. Dalam konteks ini, wujud kecenderungan untuk mendahuluikan akal semata-mata tanpa mengambil kira disiplin ilmu hadith yang memerlukan keseimbangan antara akal dan wahyu. Pendekatan sebegini bukanlah sesuatu yang baru, malah ia boleh ditelusuri kembali kepada pemikiran rasionalis Mu'tazilah yang meletakkan akal sebagai sumber utama dalam menilai kebenaran nas. (Jonathan Brown, 2008) Penolakan hadith atas dasar percanggahan dengan logik akal sebagaimana yang dilakukan oleh individu dalam rakaman video tersebut berpunca daripada kefahaman yang bebas daripada kaedah ilmiah yang telah disusun oleh ulama hadith sejak zaman klasik lagi.

Islam mengiktiraf peranan akal sebagai satu anugerah yang membezakan manusia daripada makhluk lain. Akal dalam Islam diakui sebagai salah satu sumber epistemologi yang penting, di samping wahyu, pancaindera, dan hati. (Al-Ghazālī, 2010) Namun demikian, penggunaan akal beserta praktikal serta limitasinya masih kurang dibincangkan dalam konteks kritik matan hadith. Isu ini menjadi lebih kompleks apabila dilihat terdapat pertentangan antara akal dan naqal (wahyu). Justeru, kajian ini memfokuskan kepada peranan akal dalam kritik hadith terutamanya dalam menilai kesahihan sesuatu hadith berdasarkan matannya. Perbahasan ini juga akan menelusuri bagaimana pendekatan akal yang tidak seimbang dalam kritik hadith telah diterima, ditolak, dan ditangani oleh ilmuwan Islam dari era klasik seperti Mu'tazilah hingga kepada pemikiran Islam Liberal kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia paling sesuai dalam memahami secara mendalam isu penggunaan akal dalam kritik matan hadith. Pendekatan kualitatif membolehkan kajian ini menelusuri konsep serta praktikal penggunaan akal oleh ilmuwan hadith dalam menilai kesahihan sesuatu hadith berdasarkan logik dan rasional (Mohd Awang Idris et al., 2018). Kajian ini bertujuan untuk menggali pendekatan ilmiah dalam kritik matan hadith serta implikasi penggunaan akal yang melampau dalam menilai hadith, terutama dalam konteks pertembungan antara akal dan wahyu.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan di mana sumber-sumber primer dan sekunder dikumpulkan untuk mengenal pasti dan menganalisis konsep penggunaan akal dalam kritik matan hadith. Sumber primer merangkumi karya-karya utama ilmuwan hadith seperti Ibn al-Jawzī, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, dan al-Khaṭīb al-Baghdādī yang membahas pendekatan kritik matan hadith dari segi penggunaan akal. Manakala, sumber sekunder terdiri daripada artikel jurnal, tesis, disertasi, serta buku-buku yang berkaitan dengan tema kajian ini. Sumber-sumber tersebut diperoleh melalui perpustakaan, artikel dalam talian, serta perpustakaan digital seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*. Selain itu, kajian ini juga mengumpulkan data berkaitan sorotan penggunaan akal yang berlebihan dalam kritik matan hadith pada zaman klasik, seperti pendekatan Mu'tazilah, serta dalam konteks pemikiran kontemporari seperti Madrasah 'Aqliyyah dan Islam Liberal. Semua data ini dikaji dan dianalisis untuk memahami perbezaan pendekatan ilmuwan dalam isu ini.

Bagi menganalisis data, kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini melibatkan pemeriksaan mendalam terhadap teks-teks utama ilmuwan hadith bagi mengenal pasti pandangan mereka terhadap penggunaan akal dalam kritik matan. Sebagai contoh, konsep penggunaan akal dalam kritik matan akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar seperti Ibn al-Jawzī, al-Khaṭīb al-Baghdādī dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Selain itu, analisis kandungan ini juga memfokuskan kepada kaedah yang digunakan oleh para ilmuwan hadith dalam mengkritik matan berdasarkan logik dan rasional, serta melakukan analisis pendekatan rasionalis yang melampau seperti yang diamalkan oleh golongan Mu'tazilah dan aliran Islam Liberal kontemporari.

DEFINISI DAN KONSEP AKAL

Definisi Akal

Akal (عقل) secara semantik (bahasa) datang daripada kalimah (عُقْل) yang membawa maksud *al-Hijr* (الحجر) dan *al-Nuhū* (النَّهِيُّ) iaitu bermaksud cerdik, iaitu lawan kepada al-Humq (humq) bererti bodoh. Terdapat juga pandangan lain yang merujuk *al-'Aql* (العقل) sebagai *al-Qalb* (القلب) kerana ia menahan seseorang daripada terjebak ke dalam lembah kebinasaan. (Ibn Manzūr, t.t) Manakala Abū Tāhir al-Fairūz Ābādī (2005) dalam *al-Qāmūs al-Muhiṭ* memberi definisi akal sebagai satu ilmu, iaitu sifat-sifat bagi sesuatu perkara sama ada berbentuk kebaikan atau keburukan, kelebihan dan kekurangan, atau pengetahuan berkenaan kebaikan bagi sesuatu perkara yang baik dan keburukan bagi sesuatu perkara yang buruk.

Menurut al-Rāghib al-İsfahānī (2009), asal kepada perkataan akal adalah dengan membawa maksud *al-Imsāk* dan *al-Imtisāk*, yang membawa makna menahan, memegang dan menangkap. Misalnya, apabila dikatakan عَفَّتِ الْمَرْأَةُ شَعْرَهَا maka boleh diterjemahkan sebagai “seorang perempuan itu memegang / menahan rambutnya. Mohd Zaidi Ismail (2019) pula menjelaskan lebih lanjut berkenaan makna-makna dasar ini adalah berasal daripada perkataan عَقَالِ الْبَاعِرُ yang membawa maksud “belenggu unta”. Ia digunakan untuk mengikat dan menambat seekor unta untuk menjaganya daripada lari atau hilang.

Manakala perbahasan akal dari segi terminologi (istilah) telah lama menjadi perbincangan dan perbahasan dalam kalangan ilmuwan Islam. Hal ini disebabkan manusia

masih lagi tidak mampu untuk mengetahui rahsia dan hakikat akal sekalipun telah melalui fasa-fasa kajian dan penyelidikan ilmiah. Bahkan sukar untuk menentukan satu-satunya makna kepada akal lantaran penggunaannya perkataan tersebut untuk pelbagai makna dan cara yang berbeza. (Mohd Sulaiman Yasin, 1982)

Dalam memberikan definisi akal secara istilah, Abū Ḥāmid al-Ghazālī (2010) menjelaskan bahawa tidak wajar untuk mengehadkan akal kepada satu pendefinisan sahaja, tetapi perlu juga untuk diberikan definisi mengikut sudut dan sifat yang hendak dibahaskan. Inilah perkara yang sering dilupakan oleh kebanyakan pengkaji. Maka di sini, al-Ghazālī telah merangka satu perbahasan berkenaan akal dan menawarkan empat bentuk definisi seperti berikut:

1) Akal ialah suatu sifat yang membezakan antara manusia dan seluruh haiwan yang lainnya.

Al-Ghazālī (2010) menjelaskan bahawa definisi ini adalah yang dimaksudkan oleh al-Ḥārith al-Muḥāsibī ketika beliau menyebutkan akal sebagai:

إنه غريرة يتهيأ بها إدراك العلوم النظرية

Terjemahan: Sesungguhnya ia (akal) ialah suatu gharīzah (tabiat) yang telah disediakan untuk mengetahui *al-‘Ulūm al-Nazariyah*.

al-‘Ulūm al-Nazariyah atau Ilmu *al-Nazār* ialah ilmu yang diperoleh melalui penelitian, pemikiran dan pengambilan dalil-dalil, misalnya seperti hukum hakam *al-Fiqh* dan *Uṣūl al-Fiqh* yang memerlukan kepada penghujahan dalil. Lawan bagi Ilmu *al-Nazār* ini ialah *al-‘Ilm al-Darūrī* iaitu ilmu yang didapati secara semulajadi dan tidak memerlukan kepada penelitian dan pemikiran, seperti mengetahui bahawa api itu panas, dan jadinya siang apabila terbitnya matahari. (Faḍḥ ‘Abd Allāh Murād, 2019)

Dengan adanya akal ini, manusia mampu dan bersedia untuk menerima ilmu-ilmu yang bersifat *al-Nazār*, dan mampu mentadbir dan mengurus perkara yang memerlukan kepada pemikiran yang dalam dan halus. Inilah yang membezakan antara manusia dan haiwan, yang tidak mempunyai keupayaan untuk mencerap *al-‘Ulūm al-Nazariyah*.

2) Akal ialah ilmu pengetahuan yang terkeluar ke alam wujud (dunia) pada diri kanak-kanak yang telah dapat membezakan antara perkara-perkara yang bersifat *jawāz* (harus berlaku) dan mustahil berlaku.

3)

Al-Ghazālī (2010) menjelaskan bahawa pentakrifan ini adalah yang dimaksudkan oleh ilmuwan Kalam apabila mereka menerangkan berkenaan takrif akal sebagai:

إنه بعض العلوم الضرورية كالعلم بجواز الجائزات، واستحالة المستحيلات

Terjemahan: Sesungguhnya ia (akal) itu adalah sebahagian ilmu *al-Darūrī* seperti mengetahui tentang kemungkinan perkara-perkara yang mungkin, dan mustahilnya perkara-perkara yang mustahil.

Contohnya, seseorang kanak-kanak itu dapat mengetahui bahawa dua itu lebih banyak daripada satu, dan mustahil seseorang itu dapat berada dalam dua tempat berlainan dalam satu-satu masa yang sama.

- 4) **Akal ialah ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman yang dilalui daripada berbagai-bagai keadaan.**

Sebahagian aliran telah mentakrifkan akal seperti ini dan mengaplikasikannya apabila seseorang itu telah diperkuuhkan pemahamannya dengan pengalaman, maka orang itu disifatkan dengan sifat yang alim. (Al-Ghazālī, 2010)

- 5) **Akal ialah kekuatan daripada *Al-Gharīzah* (tabiat) sehingga ke puncak tertingginya apabila dapat mengetahui akibat daripada sesuatu perkara, dan mampu mencegah dan menundukkan nafsu syahwat yang mengajak kepada kesenangan dan maksiat.**

Al-Ghazālī (2010) menjelaskan pentakrifan ini bahawa apabila seseorang itu dapat mengetahui tentang kebaikan dan keburukan sesuatu, serta mengetahui akibatnya, serta dapat membuat pertimbangan yang adil berkenaan akibat sesuatu perkara dan tidak melibatkan hawa nafsu dalam sesuatu pertimbangan itu, maka kekuatan tersebut turut dinamakan sebagai berakal.

Berdasarkan daripada pembahagian definisi yang telah digariskan al-Ghazālī di atas, dapat diketahui bahawa definisi yang pertama itu merupakan asas kepada akal, definisi yang kedua pula ialah cabang-cabang yang hampir dengan definisi yang pertama. Definisi ketiga pula merupakan cabang kepada kedua-dua definisi sebelumnya, manakala definisi yang keempat merupakan natijah iaitu tujuan wujudnya akal kepada manusia.

Kedudukan Akal Dalam Islam

Islam amat memuliakan akal dan menyuruh umatnya untuk sentiasa berfikir dan menggunakan akal sebaiknya. Ini dapat dilihat apabila banyak ayat di dalam Al-Quran sendiri yang menggesa, meminta dan menyuruh manusia untuk berfikir dan menggunakan akal. Bahkan Al-Quran sendiri memuji orang-orang yang menggunakan akal untuk berfikir, serta mengeji orang-orang yang keras, degil dan tidak mahu menggunakan akal. (Dadang Mahdar, 2014)

Walaupun Al-Quran tidak menyebutkan perkataan “Akal” (عقل) dalam bentuk kata benda, tetapi akar bagi kalimah akal (عَقْل) itu sendiri telah disebutkan sebanyak 49 kali di dalam Al-Quran, dan 48 daripadanya datang dengan *ṣīghah Al-Fi’l Al-Muḍāri’* atau dalam bentuk kata kerja. Daripada kesemua kalimah itu, 24 daripadanya terbina dengan (تعلون) bermaksud “kamu semua berfikir”. Yūsuf al-Qardāwī (2001) menyimpulkan bahawa kebanyakan perkataan ini berhubungan dengan ayat-ayat Al-Quran yang menggesa manusia untuk memerhatikan ayat-ayat Al-Quran, serta apa yang terkandung di dalamnya, dan berfikir dan mentadabbur berkenaaninya. Begitu juga, terdapat ayat Al-Quran yang menunjukkan celaan dan kecaman kepada mereka yang tidak menggunakan akal fikiran yang telah dianugerahkan untuk melihat dan merenung kebesaran-Nya, serta masih terkongkong dalam kejumudan, sikap suka bertaqlid dan buta. Bahkan, Allah juga turut menempelak golongan ini seakan-akan

binatang ternakan yang mengikuti tuannya sahaja dengan membuta tuli tanpa berfikir. (Yūsuf al-Qardāwī, 2001)

Selain itu, akal juga menjadi salah satu daripada epistemologi Islam sebagai salah satu daripada sumber-sumber ilmu pengetahuan selain wahyu, pancaindera dan hati. Bahkan menurut Al-Ghazālī (2010), akal merupakan sumber kepada ilmu, tempat bertumbuh dan sendi ilmu itu, manakala ilmu itu adalah hasil daripada akal. Akal diibaratkan sebagai pokok manakala ilmu itu adalah buah-buahannya, atau akal itu seperti matahari manakala ilmu itu adalah kecerahannya. Jika ilmu itu sendiri dimuliakan oleh Islam, maka sudah tentu *wasāil* kepada ilmu itu juga dimuliakan Islam. Berdasarkan kepada kerangka ini juga, maka berlaku persepakatan (*ijmā'*) para ilmuwan Islam bahawa akal merupakan salah satu daripada syarat seseorang itu menjadi mukallaf. Maka seseorang itu tidak akan diwajibkan secara syarak dengan taklif akidah berupa *Ma'rifat Allāh*, (Ahmad Al-Dardīr, 2019) atau taklif berupa perlaksanaan dalam hukum hakam syarak seperti solat, puasa, mengerjakan haji dan lain-lain sekiranya tidak mempunyai akal yang sempurna. Maka berdasarkan daripada perkara ini, terbukti bahawa akal mempunyai kedudukan yang mulia dan penting dalam Islam.

Wacana Pertembungan Akal Dan Hadith

Islam ialah agama yang saling mengintegrasikan antara akal dan wahyu, serta tidak mengkedepankan antara satu dengan yang lain. Ibn Taymiyyah (2004) misalnya menjelaskan bahawa akal yang tidak disertakan bersama dengan wahyu tidak akan mencukupi, kerana akal diumpamakan seperti mata manakala wahyu diumpamakan seperti matahari, maka mustahil kepada akal untuk melihat dan mendapatkan petunjuk melainkan telah mendapat sinar cahaya wahyu. Manakala Al-Ghazālī (2004) juga menyatakan bahawa gandingan akal yang disertakan bersama syarak dan wahyu itu ialah cahaya di atas cahaya, maka seseorang yang hanya memandang salah satu daripada keduanya itu akan mudah terpedaya dan terjerumus dalam lembah kesesatan. Jelaslah di sini bahawa akal dan wahyu adalah dua perkara yang saling bergandingan dan berkait rapat antara satu dengan yang lain.

Akal dan wahyu kedua-duanya merupakan anugerah yang Allah jadikan sebagai panduan kepada umat manusia. Maka mustahil akan berlaku percanggahan antara keduanya, walhal pada masa yang sama kedua-duanya diturunkan sebagai panduan dan pedoman. Dalam perkara ini, Islam merupakan agama yang tidak akan ada percanggahan antara akal dan wahyu; termasuklah dalam konteks ini hadith Nabi SAW dengan syarat bahawa naqal yang dibawakan itu mestilah sahih. Ini sebagaimana yang ditegaskan Ibn Taymiyyah (1991) bahawa pemikiran akal yang jelas tidak akan sesekali bercanggah dengan naqal yang ṣahīh. Ibn Qayyim al-Jawzīyyah (2020) pula telah menyebutkan:

وَنَحْنُ نَعْلَمُ قَطْعًا أَنَّ الرَّسُولَ لَا يُخَبِّرُونَ بِمَحَالِ الْعُقُولِ، وَإِنْ أَخْبَرُوا بِمَحَارَاتِ الْعُقُولِ، فَلَا يُخَبِّرُونَ بِمَا يُحِيلُهُ
الْعُقُولُ

Terjemahan: Dan kita mengetahui secara yakin bahawa para Rasul itu tidak akan memberitahu tentang perkara-perkara yang mustahil bagi akal, dan jika mereka (para Rasul) memberitahu tentang perkara-perkara yang sukar bagi akal, maka mereka tidak akan memberitahu tentang apa yang dianggap mustahil oleh akal.

Namun demikian, apabila sesuatu hadith itu dilihat mempunyai pertentangan dengan akal, ini boleh jadi berlaku disebabkan nas tersebut tidak sahih periyatannya daripada Nabi SAW, ataupun kurangnya penelitian dan kepakaran dalam mengaplikasikan kaedah tertentu untuk diharmonikan antara keduanya. Selain itu, akal manusia juga terbatas dan terbahagi kepada dua keadaan. Keadaan pertama ialah akal mampu untuk memastikannya secara yakin (*qat’i*), manakala keadaan kedua pula ialah akal hanya memikirkan sekadar pada ruang lingkup sangkaan (*zanni*) sahaja. Nas syarak yang telah thabit kesahihannya tidak akan bercanggah dalam keadaan pertama, tetapi sering kali boleh berlaku percanggahan pada keadaan kedua. (Faisal Ahmad Shah, 2019) Maka sekiranya akal yang bersifat *qat’i* itu bercanggah dengan naqal yang bersifat *zanni*, maka akan didahulukan akal sejahtera yang bersifat *qat’i*. (Ibn Taymiyyah, 1991)

PENGGUNAAN AKAL DALAM KRITIK MATAN

Kritik hadith ialah ilmu yang membahaskan berkenaan suatu kaedah atau kajian untuk membezakan dan menentukan status sesebuah hadith sama ada ia bersifat *sahih* atau *da’if*, dengan cara menjelaskan kecacatan yang ada padanya, dan hukum status perawi-perawi yang meriwayatkan hadith berkenaan dari segi kritikan *al-jarh* dan *al-ta’dil* secara khusus dan diketahui oleh mereka yang pakar dalam bidang hadith. (‘Alī Qāsim Al-‘Umarī, 2000) Manakala kritik matan yang merupakan salah satu sub daripada kritik hadith, ialah suatu proses penelitian dan penilaian terhadap sesuatu teks hadith daripada Nabi Muhammad SAW sekaligus menentukan kualiti dan tingkatan kesahihan sesuatu hadith. Kajian kritik matan ini dilaksanakan dalam memastikan tidak ada unsur-unsur *shādh* serta ‘illah yang ada dalam hadith akibat daripada pertentangan antara matan hadith dengan hadith lain, atau pertentangan dengan Al-Quran dan akal yang waras. (Umar Muhammad Noor, 2023) Kajian kritik matan dapat dilakukan dengan pelbagai cara seperti perbandingan teks-teks hadith daripada kepelbagaiannya sanad dan riwayat, perbandingan hadith dengan Al-Quran dan akal fikiran, dan bermacam-macam lagi kaedah yang diketengahkan oleh ilmuwan hadith.

Apabila membincangkan berkenaan kritik hadith, ilmuwan hadith sering kali dilihat hanya bertumpu kepada kajian terhadap sanad dan *dirāsah al-asānīd* semata dan dilihat kurang mengambil perhatian dan menggunakan akal dalam kritik hadith, terutamanya berkaitan matan. (Muṣṭaffā al-A‘zamī, 1990) Namun hakikatnya, semua kajian kritik hadith adalah bertitik tolak daripada penggunaan akal dan rasional. Al-Mu’allimī al-Yamānī (2012) menegaskan bahawa kedudukan akal telah diberi perhatian oleh ilmuwan hadith dan diaplikasikan dalam setiap peringkat hadith, iaitu daripada aspek pendengaran (*al-samā’*), aspek periyatatan hadith (*al-tahdīh*), aspek hukum yang diberikan kepada para perawi (*al-hukm ‘alā al-ruwāt*) dan aspek pemberian hukum terhadap hadith (*al-hukm ‘alā al-ahādīth*) di mana inilah aspek yang menjadi topik perbincangan dalam kritik matan. Jelas ini menunjukkan bahawa akal mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam bidang kritik hadith.

Dalam aspek kritik matan pula, ilmuwan hadith telah meletakkan posisi akal dan rasional sebagai salah satu daripada penentu kesahihan sesuatu hadith. Sesuatu matan hadith itu mestilah tidak bercanggah atau dianggap mustahil pada akal yang sihat dan sejahtera, kerana Nabi Muhammad SAW tidak akan mengungkapkan sesuatu yang mustahil pada akal

sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Qayyim al-Jawzīyyah (2020) sebelum ini. Dengan akal, seseorang pengkaji dapat memerhati serta menilai sesuatu hadith itu seandainya ia bercanggah dengan akal, atau bercanggah dengan pancaindera yang sememangnya telah maklum, atau bercanggah dengan fakta sejarah yang telah sabit.

Bertitik tolak daripada ini, ilmuwan hadith telah menjadikan akal sebagai usul dalam menentukan ciri-ciri hadith palsu (*mawdū’*). Misalnya, Ibn al-Jawzī (1966) ketika membahaskan berkenaan hadith-hadith palsu di dalam *Al-Mawdū’āt* telah merumuskan suatu kaedah penting dalam kajian kritik matan, iaitu semua hadith yang dilihat bercanggah dengan akal, atau hadith itu bercanggah dengan al-Uṣūl (Usul-usul Islam yang diketahui dan diterima umum), maka hadith tersebut secara pasti merupakan hadith palsu. Selain itu, ilmuwan hadith juga telah menjadikan usul ini sebagai panduan dalam mentarjih antara dua hadith yang saling bertentangan antara satu sama lain. Al-Khaṭīb al-Baghdādī (1972) telah menjelaskan bahawa jika terdapat dua khabar Āhad (hadith yang tidak mencapai taraf mutawātir) yang bertentangan antara satu sama lain, dimana khabar pertama itu telah tsabit dengan akal, atau naṣ Al-Quran, ijmak, atau telah ada dalil-dalil tsabit yang menunjukkan kepada kesahihannya, manakala khabar kedua pula bertentangan dengannya, maka hendaklah kita mendahulukan khabar yang pertama kerana beramal dengan yang maklum itu adalah wajib.

Praktikal Kritik Matan Menggunakan Akal oleh Ilmuwan Hadith

Contoh 1:

Antara contoh hadith yang bercanggah dengan akal yang dihukumkan palsu oleh ilmuwan hadith ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA:

قَبْلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مِمَّ رَبَّنَا مِنْ مَا مَرَوْرِ [قَالَ] لَا مِنَ الْأَرْضِ وَلَا مِنْ سَمَاءٍ، خَلَقَ خَيْلًا فَأَجْرَاهَا فَعَرَفَتْ فَخَلَقَ
نَفْسَهُ مِنْ ذَلِكَ الْعَرَقِ

Terjemahan: Dikatakan “Ya Rasulullah! Dari mana Tuhan kita berasal? [Sabda baginda]: Bukan dari bumi dan bukan dari langit, Dia menciptakan kuda dan menjalankannya sehingga ia berpeluh, lalu Dia menciptakan diri-Nya dari peluh itu.

Menurut Ibn al-Jawzī (1966), hadith ini terang-terang merupakan sebuah hadith palsu dan rekaan daripada ahli bidaah. Ini kerana hadith ini telah jelas-jelas menyalahi akal dan Usul kepada agama iaitu Allah SWT bersifat qadīm dan mustahil bagi Allah SWT yang merupakan Tuhan mencipta diri-Nya sendiri. Selain itu, akal mengatakan bahawa Tuhan itu mestilah bersifat qadīm dan tidak ada permulaan. Sekiranya Allah menciptakan kuda dahulu sebelum diri-Nya, akan membawa kepada Allah tidak *qadīm* kerana telah ada makhluk sebelum penciptaan diri-Nya. Seterusnya, akal tidak dapat menerima bahawa zat Allah SWT itu tercipta daripada peluh kuda. Seandainya Tuhan dicipta daripada peluh kuda, maka ia melazimkan bahawa kuda tersebut adalah lebih tinggi darjatnya daripada Tuhan, kerana hakikat peluh yang darinya diciptakan Tuhan itu berasal daripadanya. Maka disebabkan itulah, Ibn al-Jawzī (1966) mengungkapkan bahawa sekiranya hadith itu bercanggah terang-terang dengan akal dan usul agama, maka tanpa ragu lagi ia adalah hadith palsu.

Contoh 2:

Hadith berkaitan bahtera nabi Nuh yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Rahmān bin Zayd bin Aslam, daripada bapanya, daripada datuknya, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ سَفِينَةً نُوحَ طَافَتْ بِأَلْبَيْتِ سَيْعَا، وَصَلَّثَ عِنْدَ الْمَقَامِ رَكْعَتَيْنِ

Terjemahan: Sesungguhnya bahtera Nabi Nuh AS tawaf mengelilingi Kaabah 7 kali pusingan, dan kemudian menunaikan solat dua rakaat di maqam Ibrahim.

Hadith ini telah dihukumkan palsu oleh Ibn al-Jawzī (1966) dalam *al-Mawdū’āt* secara tidak langsung. Manakala menurut al-Suyūtī (2016), hadith ini merupakan antara contoh hadith yang bercanggah dengan akal. Jika difikirkan secara logik akal, pasti akan diketahui bahawa ia hanyalah sebuah rekaan dongeng yang mengarut dan terdapat banyak persoalan yang boleh dibangkitkan. Antaranya, bagaimana bahtera Nabi Nuh AS melaksanakan solat dua rakaat di Maqam Ibrahim, sedangkan ketika itu Nabi Ibrahim AS masih lagi belum dilahirkan, dan jarak tempoh masa antara Nabi Nuh dan Nabi Ibrahim adalah jauh. Berdasarkan fakta ini, hadith ini juga secara tidak lansung bercanggah dengan fakta sejarah yang sabit. Dengan menggunakan pendekatan yang rasional ini dapat diketahui bahawa ini merupakan hadith yang palsu.

Contoh 3:

مَنْ صَلَّى الصُّحَى كَذَا وَكَذَا رَكْعَةً أَعْطِيَ تَوَابَ سَبْعِينَ نَبِيًّا

Terjemahan: Barangsiapa yang melaksanakan solat dhuha sekian sekian rakaat, maka akan diberikan sebanyak 70 orang pahala para Nabi.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1982) ketika mengeluarkan hadith ini di dalam *Al-Manār al-Munīf* telah menempelak pemalsu hadith ini dengan mengatakan bahawa pemalsu hadith ini dalam keadaan yang khayal dan tidak tahu berkenaan hakikat pahala. Sekiranya seseorang yang bukan nabi itu beribadah dengan lama seumur Nabi Nuh AS sekalipun, dia tidak akan sesekali menyamai pahala seorang nabi. Menurutnya lagi, ini merupakan antara hadith-hadith palsu iaitu terdapat unsur berlebih-lebihan dalam menetapkan pahala dan dosa. Perkara yang kecil diletakkan hukuman yang terlalu besar ataupun ganjaran yang terlalu besar yang tidak munasabah. Jika difikirkan secara logik akal, mustahil bagi seseorang yang bukan nabi untuk melaksanakan ibadah dan mendapat pahala walaupun dengan seorang nabi. Ini kerana Nabi lah yang menyampaikan dan mengajarkan berkenaan tatacara ibadah. Maka setiap kali seseorang itu beribadah, itu adalah berkat daripada tunjuk ajar Nabi. Maka bagaimana hendak mendapatkan pahala seperti seorang nabi dalam keadaan sedemikian?

Limitasi Penggunaan Akal Dalam Kritik Matan

Walaupun ilmuwan hadith mengakui peranan akal dan rasional dalam kritik hadith, serta menjadikannya salah satu kaedah untuk mengenal pasti ciri-ciri hadith palsu, penggunaannya dalam praktik sebenar kritik hadith amat jarang dilakukan. Hal ini berlaku disebabkan oleh keterbatasan akal itu sendiri dalam menilai hadith. Muṣṭafā al-A’zamī (2002) memberikan contoh tentang keterbatasan akal, dengan menyatakan bahawa banyak hadith yang merujuk kepada amalan dan perbuatan Nabi SAW, sama ada berkaitan ibadah, adab, maupun sunnah baginda. Hadith-hadith ini tidak boleh dinilai semata-mata dengan logik akal, kerana perkara-perkara yang disampaikan melalui hadith ini termasuk dalam kategori *mumkināt* (perkara yang mungkin berlaku). Sebagai contoh, apabila hadith menyebut tentang Nabi SAW yang tidur di atas lambung kanannya, akal tidak mampu membuat penilaian objektif sama ada perbuatan tersebut benar atau salah. Dalam masa yang sama, akal juga tidak boleh menyimpulkan bahawa posisi tidur yang lain adalah mustahil. Oleh itu, aspek rasional dalam hal ini menuntut agar periwayatan hadith diterima berdasarkan kejujuran dan integriti perawi yang menyampaikannya, bukannya sekadar berdasarkan penilaian akal semata-mata.

Selain itu, penggunaan akal dan rasional dalam Naqd Al-Hadīth ini mestilah dilakukan oleh ilmuwan hadith yang telah mendalamai dan memahami kesemua berkaitan Sunnah-sunnah dan agama Islam sendiri, serta menguasai keseluruhan lapangan dan kajian hadith. Mereka yang hanya semata-mata menggunakan logik akalnya sahaja tanpa kemantapan ilmu akan cenderung menggunakan akal secara tersasar dan akhirnya menyimpang daripada kebenaran disebabkan kelemahan akal dan kekurangan ilmu mereka. Dalam erti kata yang lain, tidak semua orang berkelayakan untuk melakukan kritik hadith dengan metodologi ini. Ini dapat difahami daripada kalam Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1982) bahawa seseorang yang hendak melakukan kajian matan tanpa melihat kepada sanad terlebih dahulu perlu untuk mempunyai pengetahuan yang sangat luas dan mendalam tentang sunnah-sunnah yang sahih dan mempunyai kepakaran yang tinggi untuk menilai kesesuaian hadith dengan sunnah, sehingga mencapai tahap seolah-olah dia telah menjadi seperti salah seorang dari sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW yang menyaksikan dan mengikuti sunnah-sunnahnya secara langsung.

Seterusnya, Al-Idlibī (1983) menyatakan bahawa penggunaan akal dan rasional mestilah diikat dan berpandukan kepada wahyu, dan tidak semata-mata berhujah menggunakan akal sahaja. Penggunaan akal mestilah dalam kadar yang sederhana dan tidak berlebih-lebihan kerana sikap sedemikian boleh menatijahkan kegelinciran dalam kritikan hadith. Faisal Ahmad Shah (2023) menjelaskan bahawa terdapat sesetengah keadaan hadith yang perlu difahami secara tekstual tanpa memerlukan kepada takwilan dan penolakan. Hadith-hadith seperti yang berkaitan dengan alam ghaib, hadith-hadith yang mengandungi *mutashābihāt*, hadith yang mempunyai perkaitan dengan sains dan hadith yang maksud literalnya disokong oleh ayat Al-Quran dan Al-Hadith ini perlulah difahami secara literal dan teknikal. Hal ini demikian kerana perkara-perkara ini hanya berada dalam pengetahuan Allah SWT semata-mata. Inilah yang berlaku kepada ahli bidaan zaman dahulu dan kontemporari kini seperti Mu’tazilah, Orientalis, dan Islam Liberal apabila mengkedepankan akal tanpa batasan. Dalam masa yang sama, pemikiran sebegini juga telah meresap masuk ke dalam segelintir umat Islam melalui Madrasah ‘Aqliyyah yang dipelopori oleh Muhammad ‘Abduh, Rashid Redā dan lain-lain. Akibatnya, terdapat beberapa hadith sahih yang dikritik dan dihukumkan palsu oleh mereka kerana dilihat bercanggah dengan akal. (Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, 2011)

KEGELINCIRAN PENGGUNAAN AKAL DALAM KRITIK MATAN HADITH

Dalam berinteraksi dengan hadith, seseorang pengkaji hendaklah sentiasa bersederhana dalam menggunakan akal dan rasional. Ia mesti diikat dengan kemantapan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam lapangan hadith. Kegagalan mengikuti piawaian ini akan menatijahkan seseorang untuk tergelincir dan terjatuh ke arah pengkritikan hadith-hadith yang sahih, atau lebih buruk lagi boleh membawa kepada pengingkaran terhadap hadith. Faisal Ahmad Shah (2023) menjelaskan bahawa asas kepada setiap bidaah dan kesesatan yang muncul dalam Islam berpunca daripada salah faham dalam memahami serta berinteraksi dengan naṣ samada Al-Quran atau Al-Hadith. Antara punca kepada munculnya kelompok *ahl al-hawā wa al-bida'* adalah kerana hawa nafsu yang sentiasa berkecenderungan untuk tidak mengikuti dalil-dalil syarak, lalu melampau-lampau dalam menggunakan akal fikiran untuk menolak hadith-hadith sahih dan sentiasa berburuk sangka terhadap riwayat yang datang daripada Nabi.

Zaman Klasik

Sejarah mencatatkan bahawa kelompok Mu'tazilah merupakan pemuka terawal yang membawa idea pengingkaran sunnah-sunnah yang kononnya menyalahi akal. Pegangan mereka ialah mendahuluikan akal daripada nas syarak, dan hanya menerima nas syarak yang berbetulan dengan akal dan rasional mereka. Ini dapat dilihat daripada ucapan pemuka mereka, iaitu Al-Qādī 'Abd al-Jabbār yang menegaskan bahawa akal ialah sumber pertama syarak, kerana dengan akal manusia dapat mengetahui baik dan buruk, serta akal yang membuktikan kebenaran dan kehujahan Al-Quran, Al-Sunnah dan Ijmāk. (Faisal Ahmad Shah, 2023) Jonathan Brown (2008) pula menjelaskan bahawa aliran Mu'tazilah sangat menggunakan pendekatan rasional sebagai salah satu interpretasi mereka terhadap sumber-sumber agama. Akal dianggap sebagai alat utama dalam mengkritik sesuatu kandungan matan hadith di samping Al-Quran, serta tidak mengambil kisah perihal kesahihan sesuatu sanad. Hakikatnya, mereka telah terpengaruh dengan falsafah Greek yang meletakkan akal fikiran sebagai hakim untuk mengadili dunia fizik dan metafizik, sekaligus menimbulkan pertelingkahan antara akal dan wahyu. (Thabet Ahmed Abu Alhaj, 2021)

Hal ini dapat dilihat jelas berdasarkan pandangan tokoh-tokoh Mu'tazilah berkenaan hadith serta metodologi kritik matan hadith yang bercanggah dengan akal dan pegangan mereka walaupun dengan membawakan sanad yang sahih. Ibn al-Murtadā (1961) menelusuri kitabnya *Tabaqāt al-Mu'tazilah* menceritakan kisah Abū 'Alī al-Jubbā'ī, seorang tokoh utama Mu'tazilah pernah diminta oleh al-Barkānī untuk menilai dua hadith yang diriwayatkan melalui jalan sanad yang sama, iaitu sanad daripada Abū al-Ziyād daripada al-A'raj daripada Abū Hurayrah RA. al-Jubbā'ī lalu mensahihkan hadith pertama, iaitu larangan wanita berkahwin dengan suami kepada emak saudara mereka. Manakala pada hadith yang kedua pula telah dipalsukan oleh al-Jubbā'ī, iaitu hadith berkenaan Nabi Adam mengalahkan Musa dalam perdebatan tentang takdir. Beliau turut mengemukakan alasan bahawa tiada siapa yang berhak menyalahkan Adam atau Hawa disebabkan pengusiran mereka dari syurga, kerana Allah SWT sendiri telah mengkehendaki perbuatan derhaka ini berlaku. Hadith ini juga ditolak kerana percanggahannya dengan kepercayaan Mu'tazilah tentang kebebasan akal. Apabila al-Barkānī bertanya kepada al-Jubbā'ī, "Dua hadith ini adalah daripada sanad yang sama, bagaimana engkau mensahihkan satu hadith dan memalsukan satu lagi?" Lalu al-Jubbā'ī menjawab bahawa hadith yang kedua

itu mustahil merupakan kalam daripada Nabi Muhammad SAW kerana Al-Quran telah menunjukkan kepalsuannya, begitu juga ia bercanggah dengan bukti-bukti akal.

Ibn Qutaybah (1999) juga melalui kitabnya *Ta'wil Mukhtalif al-Hadith* telah menyenaraikan beberapa hadith yang dikritik Mu'tazilah, antaranya:

Abu Hurayrah RA berkata, Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

إِذَا وَقَعَ الدُّبَابُ فِي شَرَابٍ أَحِدُكُمْ قَلِيقُمْسَهُ ثُمَّ لَيْتَرْ عَهُ فَإِنَّ فِي إِحْدَى جَنَاحَيْهِ دَاءً وَالْأُخْرَى شِفَاءً

Terjemahan: Jika ada seekor lalat yang terjatuh pada minuman kalian maka tenggelamkan kemudian angkatlah, kerana pada satu sayapnya itu ada penyakit dan satu sayap yang lainnya terdapat penawar. (HR Al-Bukhārī)

Kaum Mu'tazilah mengingkari hadith ini kerana bercanggah dengan logik akal yang sihat perihal lalat yang mempunyai satu sayap penawar dan satu sayap penyakit dalam masa yang sama. Mereka juga mempertikaikan bagaimana lalat dapat mengetahui berkenaan sayapnya yang berpenyakit lalu didahulukan celupannya, dan kemudian mencelup semula sayap keduanya yang mempunyai penawar. Ini merupakan suatu kegilaan yang menyalahi logik akal dan rasional manusia. (Ibn Qutaybah, 1999)

Zaman Kontemporari

Seiring dengan peredaran masa, pemikiran yang sentiasa mengkedepankan akal ke atas wahyu ini sentiasa muncul dan berulang, apatah lagi di zaman kontemporari ini. Al-Shahrastānī (2005) menyebutkan bahawa setiap syubhat dan pemikiran sesat yang berlaku pada akhir zaman sebenarnya adalah pengulangan yang berlaku di awal zaman. Jika dilihat dan diperhatikan, kebanyakan daripada syubhat yang muncul pada zaman kontemporari ini hanyalah kitaran daripada pegangan dan pemahaman golongan terdahulu yang telah menyesatkan umat Islam.

Dalam era kontemporari, aliran rasional moden yang berpayung di bawah Madrasah 'Aqliyyah telah muncul sekitar abad ke-19 berikutan sentimen kebebasan berfikir dan rasionalisme mula disebarluaskan ke dunia Islam berikutan interaksi antara dunia Islam dan Barat. Ilmuwan Islam pada ketika itu mula terkesan dan terpengaruh dengan pendekatan yang berasal daripada Orientalis ini, lalu menulis dan menyebarkannya kepada umat Islam. (Thabet Ahmed Abu Alhaj, 2021) Manakala Abū al-Layth Khayr Ābādī (2011) menjelaskan bahawa pada asalnya niat mereka murni demi mempertahankan Islam daripada ancaman luar. Konteks keadaan ketika itu ialah pihak Barat telah menjajah wilayah-wilayah umat Islam serta menimbulkan syubhat pemikiran di wilayah berkenaan, maka mereka telah terkehadapan dan berusaha mempertahankan Al-Quran dan hadith Nabi SAW daripada kritikan dan toh�ahan Orientalis. Namun pada beberapa perkara juga terdapat kegelinciran yang dialami mereka.

Sebagai contoh, aliran Madrasah 'Aqliyyah seperti Muḥammad Rashīd Redā, Muḥammad 'Abduh, Muḥammad al-Ghazālī dan lain-lain telah mengkritik hadith berkenaan Nabi SAW telah disihir. Walaupun hadith berkenaan sihir itu telah diriwayatkan di dalam Ṣahīḥ al-Bukhārī dan Ṣahīḥ Muslim, mereka mengatakan ia adalah merupakan hadith yang palsu dan agenda orang-orang bukan Islam untuk merosakkan Islam. (Mustaffa Abdullah, 2010) Rashīd Redā mengatakan bahawa sukar untuk menerima hadith ini sekalipun ia diriwayatkan dalam

Sahīhayn kerana ia bertentangan dengan dalil daripada Al-Quran, dan setiap hadith yang bercanggah dengan Al-Quran adalah palsu. Beliau juga mengemukakan hujah bahawa sekiranya dakwaan Nabi disihir itu diterima, maka akan menatijahkan bahaya dan menggugat kemaksuman Nabi SAW. (Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, 2017)

Memasuki era abad ke-20 dan abad ke-21, dunia Islam mula digugatkan kembali dengan kemunculan golongan Islam Liberal dan anti-hadith. Khalid Muammar (2009) menjelaskan bahawa golongan Islam Liberal yang wujud pada masa kini hakikatnya merupakan produk baharu dalam bentuk penjelmaan semula idea-idea modenisme Islam (Madrasah ‘Aqliyyah) yang telah lama muncul semenjak abad ke-19. Islam Liberal wujud disebabkan pengaruh falsafah dan budaya Barat. Mereka banyak menggunakan pendekatan rasional yang lebih menjurus kepada pergantungan hujah berlandaskan kepada hak-hak kebebasan sosial, politik dan ekonomi dengan mengikut acuan Barat dengan tujuan ketamadunan Islam juga dapat berkembang maju seperti ketamadunan Barat. Golongan ini banyak melakukan pemahaman terhadap sesuatu ayat berdasarkan pemikiran logik akal, sedangkan jika dilihat latar belakang gerakan ini, mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Mereka melihat bahawa perlunya interpretasi yang baru dalam memahami dan menghukum ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadith agar dapat difahami dalam konteks dunia semasa. (Nuraleya Abdul Hamid et., 2023)

Antara konsep yang diyakini oleh Islam Liberal ialah keserataan di antara lelaki dan wanita. Mereka telah mengkritik beberapa hadith yang dianggap melebihkan lelaki daripada wanita, antaranya dalam isu kesaksian bagi wanita.

Daripada Abū Sa’īd al-Khudrī, daripada Nabi Muhammad SAW bersabda:

الَّذِينَ شَهَدُوا مِثْلَ نَصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ فُلِّنَ بَلَىٰ قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانٍ عَلَيْهَا

Terjemahan: Bukankah persaksian seorang wanita sama dengan setengah persaksian seorang laki-laki?" Para wanita menjawab, "Benar." Kemudian Nabi melanjutkan: Itulah tanda setengah akalnya. (HR al-Bukhārī)

Nuraleya Abdul Hamid et. al (2023) menyebutkan bahawa hadith ini jika dilihat secara zahirnya akan menimbulkan keraguan seolah-olah Islam mendiskrimini kaum wanita. Kelompok Sister In Islam (SIS) telah mengatakan bahawa hadith ini bercanggah dengan fakta sejarah, ini kerana fakta sejarah menyaksikan bahawa pada zaman dahulu, wanita telah banyak melibatkan diri dalam sejarah. Misalnya, ada antara sahabat Nabi yang meminta pendapat dan pandangan daripada wanita dan mengikutinya. Misal yang lain, Nabi Muhammad SAW sendiri dekat dan meminta pendapat daripada isteri-isterinya seperti Khadijah RA dan Aishah RA. Disebabkan sebab-sebab yang disebutkan di atas, maka mereka menganggap bahawa hadith tersebut ialah palsu dan bertentangan dengan kriteria kesahihan hadith.

Selain itu, golongan anti-hadith di Malaysia misalnya, Kassim Ahmad telah menolak sekelompok hadith-hadith yang dianggapnya bersifat anti-wanita dan bercanggah dengan Al-Quran dan akal. Antara hadith yang dikritik dan dituduh palsu oleh beliau ialah:

Daripada Abū Hurayrah RA, daripada Nabi Muhammad SAW:

لَا تَصُومُ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلَّا يُذْنِه

Terjemahan: Janganlah seorang wanita berpuasa padahal suaminya sedang ada, kecuali dengan seizinnya. (HR al-Bukhārī)

Kassim Ahmad berhujah bahawa Nabi SAW tidak pernah mengungkapkan kata-kata sedemikian yang dianggap merendahkan maruah wanita. Ini juga bertentangan dengan ajaran Al-Quran dan karakter Nabi yang sentiasa menghormati dan memuliakan wanita. Hakikatnya dakwaan beliau itu hanyalah bersandarkan kepada logik akal yang tidak dipandu dengan ilmu syarak yang jelas. (Faisal Ahmad Shah et., 2021)

Rumusan daripada perbincangan ini membawa kepada satu kesimpulan yang jelas, iaitu penggunaan akal dalam kritik hadith apabila tidak dipandu oleh disiplin ilmu yang mantap, merupakan antara punca utama penyelewengan terhadap ajaran Islam yang sahih. Bermula dari era Mu'tazilah hingga ke zaman moden yang dipengaruhi oleh aliran Islam Liberal, rasionalisme yang berlebihan telah membawa kepada penolakan hadith-hadith sahih, sekali gus mengaburkan pemahaman umat terhadap sunnah Nabi SAW. Kesan daripada pendekatan ini, ajaran Islam yang murni semakin terdedah kepada kekeliruan dan syak wasangka. Sebagai langkah penambahbaikan, wujud keperluan untuk kembali kepada pendekatan yang seimbang dalam memahami nas agama. Akal dan wahyu seharusnya difahami sebagai komponen yang saling melengkapi, bukannya entiti yang saling bertentangan. Pendirian yang ekstrim sama ada mengagungkan akal berlebih-lebihan atau menolaknya secara mutlak harus dielakkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menelusuri peranan akal dalam kritik matan hadith dari era Mu'tazilah hingga kepada wacana Islam Liberal kontemporari. Penelitian ini menunjukkan bahawa walaupun akal diiktiraf sebagai anugerah yang membezakan manusia dengan makhluk lain dan memainkan peranan penting dalam memahami syariat, penggunaan akal dalam kritik hadith haruslah diimbangi dengan wahyu. Sejarah telah menunjukkan bahawa keterlaluan dalam penggunaan akal yang tidak berpandukan kepada disiplin ilmiah telah menyebabkan beberapa aliran pemikiran seperti Mu'tazilah dan Islam Liberal yang menolak hadith-hadith sahih. Kesannya, munculnya kegelinciran dalam pemahaman nas-nas agama.

Pendekatan kritik matan hadith yang dikemukakan oleh ilmuwan hadith klasik menunjukkan bahawa akal mempunyai peranannya dalam mengenal pasti hadith palsu, terutamanya apabila sesuatu hadith dilihat bercanggah dengan fakta sejarah, Al-Quran, atau logik akal yang sihat. Namun, akal sahaja tidak mencukupi dan harus disertai dengan kajian sanad serta pemahaman menyeluruh tentang sunnah. Seperti yang ditunjukkan dalam analisis contoh-contoh hadith palsu, ilmuwan hadith menggunakan akal secara berhati-hati dan dalam batasan yang sewajarnya agar kesahihan sesuatu hadith dapat dinilai dengan teliti.

Dalam konteks kontemporari, isu yang melibatkan golongan yang menolak hadith berdasarkan hujah akal tanpa berlandaskan metodologi ulama hadith terus muncul, khususnya

dalam gerakan Islam Liberal dan anti-hadith. Penolakan hadith-hadith sahih atas alasan ia bercanggah dengan logik akal merupakan cabaran besar dalam dunia Islam hari ini. Sebagai cadangan kajian lanjutan, penyelidikan yang lebih mendalam boleh dilakukan terhadap pendekatan-pendekatan lain yang diambil oleh ilmuwan hadith di era moden dalam menangani wacana liberalisme dan rasionalisme dalam kritik hadith. Selain itu, kajian lain juga boleh menumpukan kepada bagaimana metodologi tradisional ulama hadith dapat diadaptasi dengan lebih baik untuk menangani cabaran kontemporari, khususnya dalam kalangan generasi muda yang terdedah kepada fahaman rasionalisme yang melampau.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahmān bin Yahyā al-Mu’allimī al-Yamānī. (2012). *Al-Anwār al-Kāshifah limā fī Kitāb Aḍwā’ ‘alā al-Sunnah*. Mecca: Dār ‘Ālim al-Fu’ād.
- ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin Muḥammad Abu ‘l-Farash ibn al-Jawzī. (1966). *Al-Mawdū’āt*. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Abū al-Fath Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī. (2005). *Al-Milal wa al-Nihāl*. Beirut: Dār al-Fikar.
- Abū al-Layth al-Khayr Ābādī. (2017). Al-Madrasah al-‘Aqliyyah al-Hadīthah fī al-Sunnah: Mawqif al-Sayyid Rashīd Redā min al-Sunnah Namūdhujā. In F. Ahmad Shah, T. A. Abu Alhaj, & A. A. Ramjahi (Eds.), *Madāris al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Ittijāhāt wa al-Manāhij*. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abū al-Layth al-Khayr Ābādī. (2011). *Ittijāhāt fī Dirāsāt al-Sunnah Qadīmuḥā wa Ḥadīthuhā*. Selangor: Dār Al-Shākir.
- Abū Ḥāmid Al-Ghazālī. (2004). *Al-Iqtisād fī Al-I’tiqād*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. (2010). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Damsyiq: Dār al-Fayhā’.
- Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Muslim bin Qutaybah. (1999). *Ta’wīl Mukhtalif al-Hadīth*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Abū Ṭāhir al-Fairūz Ābādī. (2005). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Aḥmad Bin Muḥammad Al-Dardīr. (2019). *Sharh Al-Kharīdah Al-Bahiyyah*. Kaherah: Kashīdah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī. (1972). *Al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*. Kaherah: Maṭba’ah al-Sa’ādah.
- Al-Mawsu’ah Al-Fiqhiyyah. (1983). Kuwait: Wizārah Al-Awqāf wa Al-Syu’ūn Al-Islāmiyyah.
- al-Rāghib al-Isfahānī. (2009). *Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Dadang Mahdar. (2014). Kedudukan akal dalam Al-Qur’ān dan fungsinya dalam pendidikan

- hukum Islam. *Jurnal Adliya*, 8(1).
- Faḍḥ ‘Abd Allāh Murād. (2019). *al-Tahqiqāt ‘alā Sharh al-Jalāl al-Mahallī*. Kuwait: Dār al-Zāhiriyah.
- Faisal Ahmad Shah. (2023). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Faisal Ahmad Shah. (2019). *Mengharmoni Percanggahan dan Kesamaran Dalam Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Faisal Ahmad Shah, Monika @ Munirah Abd Razzak, & Mustaffa Abdullah. (2021). *Tafsiran Al-Quran dan Hadis Salah Faham dan Penyelewengan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn al-Murtadā. (1961). *Tabaqāt al-Mu’tazilah*. Beirut: t.p.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1982). *Al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Da’īf*. Halab: Maktab al-Maṭbū’āt al-Islāmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2020). *al-Ṣawā’iq al-Mursalah ‘alā al-Jahmiyyah wa al-Mu’atṭilah*. Riyāḍ: Dār ‘Aṭā’āt al-‘Ilm.
- Ibn Taymiyyah. (1991). *Dar’ al-Ta’āruḍ al-‘Aql wa al-Naql*. Riyāḍ: Jāmi’ah al-Imām Muḥammad bin Sa’ūd al-Islāmiyyah.
- Ibn Taymiyyah. (2004). *Majmu’ Al-Fatāwā*. Madīnah: Majma’ Al-Malik Al-Fahd li Ṭabā’ah Al-Muṣḥaf Al-Sharīf.
- Jalāl Al-Dīn Al-Suyūṭī. (2016). *Tadrīb Al-Rāwī fī Sharh Taqrīb Al-Nawāwī*. Jeddah: Dār Al-Minhāj.
- Jamāl al-Dīn Ibn Manzūr. (t.t.). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Jonathan A.C. Brown. (2008). How we know early ḥadīth critics did matn criticism and why it’s so hard to find. *Islamic Law and Society*, 15.
- Khalif Muammar. (2009). *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, & R Zirwatul Aida R Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1982). *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaidi Ismail. (2019). *Aqal Ilmu & Pendidikan Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

- Muhammad Muṣṭafā al-A’ẓamī. (2002). *Studies in Ḥadīth Methodology and Literature*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Muhammad Muṣṭaffā al-A’ẓamī. (1990). *Manhaj al-Naqd ‘Inda al-Muḥaddithīn Nash’atuhu wa Tārīkhuhu wa Yalaihi Kitāb al-Tamyīz li al-Imām Muslim*. Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su’ūdiyyah: Maktabah al-Kawthar.
- Muhammad Nasri Bin Azhar. (2024, May 31). Facebook.
<https://www.facebook.com/share/v/mh77yMaDAs6FVMqh/?mibextid=oFDknk>
- Mustaffa Abdullah. (2010). Penggunaan metode tafsir bi al-Ra’y dalam Tafsir al-Manar: Satu analisis. *Jurnal Perspektif*, 2(1)
- Nuraleya Abdul Hamid, Latifah Abdul Majid, & Mohd Arif Nazri. (2023). *Interaksi Islam Liberal Terhadap Hadith Musykil*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ṣalāḥ al-Dīn bin Aḥmad al-Idlibī. (1983). *Manhaj Naqd al-Matn ‘Inda ‘Ulamā al-Ḥadīth al-Nabawī*. Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah.
- Syarifah Nayan, & Latifah Abdul Majid. (2020). *Hermeneutik Pemikir Liberal Pemahaman Hadis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thabet Ahmed Abu Alhaj. (2021). Implikasi kajian orientalis moden dalam pengajian al-Quran dan al-Sunnah: Analisis terhadap pemikiran rasional. In K. Ahman & S. Amir (Eds.), *Aliran Klasik dan Moden Dalam Pengajian Tafsir dan Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yūsuf Al-Qardāwī. (2001). *Al-‘Aql wa Al-‘Ilm fi Al-Qur’ān Al-Karīm*. Beirut: Muassasah Al-Risālah.